

CADANGAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017-2020



**MENUBUHKAN
PROJECT WORKING
GROUP**



AUDIT CLEAN



**PENGHASILAN
AMALAN PENGURUSAN
TERBAIK**



**MEMPROMOSI
AMALAN PENGURUSAN
TERBAIK**



**PERLAKSANAAN
AMALAN PENGURUSAN
TERBAIK**




**PROGRAM KERJASAMA
DAN PENDEKATAN**



**MEMPERKASA
PEMATUHAN
PERATURAN**



**PENGANUGERAHAN
DAN KELESTARIAN**



KL RIVER.ORG



A: 2nd Floor, Wisma Hing,
78, Jalan SS2/72,
47300 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

T: +60 3 7957 2007

F: +60 3 7957 7003

E: outreach@gec.org.my
norazrin@gec.org.my

WWW.GEC.ORG.MY



**REDISCOVER
RECONNECT**



CLEAN

CONNECT • LEARN • EMPOWER • ACTIVATE • NOW



**PENGENDALI MAKANAN,
PENJAJA, PENGUSAHA
BENGKEL KENDERAAN &
PASAR BASAH**



ROLPOP 5

LATAR BELAKANG

Kumpulan sasaran ini dibahagikan kepada 3 kumpulan kecil iaitu: kumpulan pengendali makanan dan penjaja; kumpulan pengusaha bengkel kenderaan; dan kumpulan pengusaha pasar basah.

Taburan kepadatan kumpulan sasaran ini dalam kawasan ROLPOP5 adalah lebih kurang 1587 unit yang mana 1264 adalah pengendali makanan dan penjaja, 313 adalah bengkel kenderaan dan 10 pasar basah.

Berdasarkan kajian, didapati punca utama pencemaran adalah daripada air sisa 'sullage water', minyak masak, sisa organik, sabun pencuci dan minyak hidraulik/minyak enjin. Keadaan ini telah menyebabkan sungai Klang menjadi kotor dan berada dalam kelas yang sederhana bersih.

OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan ROLPOP5 bagi kumpulan sasaran ini adalah untuk menggalakkan tindakan daripada pengendali makanan, penjaja, pengusaha bengkel kenderaan dan pengusaha pasar basah ke arah pengurangan pencemaran yang terhasil daripada aktiviti, operasi serta kegiatan harian yang dilaksanakan melalui peningkatan kesedaran, latihan, inisiatif dan juga penguatkuasaan.

PENDEKATAN PROGRAM CLEAN

Dalam memastikan projek ini dapat dijayakan dan dilaksanakan, pendekatan yang digunakan adalah C.L.E.A.N. yang merupakan singkatan bagi:


CONNECT (MENGHUBUNGAN): hubungan kumpulan sasaran ke arah matlamat utama projek.

LEARN (BELAJAR): memberi tunjuk ajar kepada kumpulan sasaran mengenai kepentingan melindungi sumber termasuk air.

EMPOWER (MEMPERKASA): Memperkasakan kumpulan sasaran berkenaan tanggungjawab dan peranan yang perlu dilaksanakan terhadap alam sekitar.

ACTIVATE (AKTIFKAN): melibatkan dan mengaktifkan inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh setiap kumpulan sasaran.

NOW (SEKARANG): Melaksanakan setiap perancangan, inisiatif dan tindakan dengan segera.



PETA TABURAN PENGENDALI MAKANAN, PENJAJA, PENGUSAHA BENGKEL KENDERAAN & PASAR BASAH ROLPOP5

STRATEGI PERLAKSANAAN

Terdapat lima (5) strategi utama dalam pelaksanaan ROLPOP5. Setiap strategi telah disusun atur dengan pelan tindakan yang sesuai yang akan digunakan sebagai panduan kepada pelaksanaan setiap aktiviti dan program.



STRATEGI 1: untuk memupuk pemilikan dan sokongan bagi pengurangan pencemaran serta perlindungan sungai dalam kalangan kumpulan sasaran.



STRATEGI 2: Untuk memperkasa dan menggalakkan pengendali makanan bagi mengurus kelestarian perniagaan mereka menggunakan konsep Sifar Sisa.



STRATEGI 3: Untuk memperkasa pengusaha pasar basah melalui pembinaan keupayaan dan pelaksanaan Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) ke arah Pengurusan sisa yang lebih baik.



STRATEGI 4: Untuk memperkasa dan membimbing pengusaha bengkel kenderaan bagi mengurus dan menjalankan perniagaan mereka secara lebih lestari.



STRATEGI 5: Untuk melihat semula dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang sedia ada serta melaksanakan pendekatan kelestarian bagi jangka masa panjang.